

PM jamin selesai isu tertunggak Malaysia-Singapura

Singapura: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan komitmen untuk menyelesaikan dengan segera beberapa isu tertunggak antara Malaysia-Singapura, membabitkan maritim, ruang udara dan bekalan air.

Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata perkara itu adalah komitmen utama Perdana Menteri dalam lawatan rasminya ke Singapura, bermula hari ini.

"Perdana Menteri melihat setiap perkara yang selama ini menjadi masalah dan halangan serta melambatkan proses, akan cuba diselesaikan pada kadar segera," katanya kepada media Malaysia, di sini, semalam.

Lawatan rasmi Perdana Menteri itu adalah atas jemputan rakan sejawatnya, Lee Hsien Loong.

Ini adalah lawatan rasmi su-

lung Perdana Menteri ke Singapura selepas dilantik menerajui negara pada 24 November tahun lalu.

Anwar diiringi isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan delegasi yang disertai Zambry; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Selain itu, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg; Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi serta pegawai kerajaan dari kementerian dan agensi berkaitan.

Pada 17 Januari lalu, Anwar dilapor mengadakan pertemuan bersama Menteri Luar Singapura, Dr Vivian Balakrishnan.

Pada pertemuan itu, Perdana

Menteri dilapor menyatakan hasrat untuk memberi tumpuan kepada ekonomi dan menyelesaikan isu dua hala yang tertunggak secara komprehensif.

Zambry berkata, beliau yakin lawatan rasmi Perdana Menteri ke Singapura itu akan memperkuatkan lagi hubungan dua negara, termasuk dalam aspek ekonomi.

Tingkat profil Malaysia

Pada tahun lalu, Singapura adalah rakan dagangan kedua terbesar Malaysia dan terbesar dalam kalangan negara ASEAN, dengan jumlah perdagangan mencatat RM367.53 bilion (AS\$83.53 bilion), peningkatan 29.4 peratus berbanding nilai dicatat pada 2021.

Beliau berkata, latar belakang dan profil Perdana Menteri yang sangat dikenali pada peringkat

antarabangsa, khususnya negara ASEAN, termasuk Singapura, membawa pengaruh besar kepada kerjasama kedua-dua negara.

"Seperti lawatan rasmi ke Indonesia dan Brunei, ia akan meningkatkan profil Malaysia pada peringkat antarabangsa, sekali gus membina keyakinan pelabur untuk melabur di negara kita."

"Apa yang paling mustahak, Malaysia dapat wujudkan kestabilan kepemimpinan negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan ini adalah penting untuk pembangunan ekonomi kita," katanya.

Zambry berkata, hal berkaitan cadangan serta projek infrastruktur, termasuk projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Sistem Transit Rapid (RTS) akan turut dibangkitkan pada pertemuan itu, selain perjanjian

sedia ada dan cadangan masa depan.

"Projek Sistem Transit Rapid yang dijangka siap 2026 akan jadi keutamaan perbincangan dua negara kerana projek ini memberi impak positif kepada sistem pengangkutan kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, Kementerian Luar dalam satu kenyataan maklumatkan, kedua-dua Perdana Menteri akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk mempromosi Kerjasama dalam Data, Keselamatan Siber dan Ekonomi Digital serta dua Kerangka Kerjasama dalam Ekonomi Digital dan Ekonomi Hijau.

Pada lawatan rasmi itu, Anwar juga dijadualkan bertemu Presiden Singapura, Halimah Yacob dan diaspora Malaysia di republik itu.